

فجابت كتوا ثقاره

PEJABAT KETUA PENGARAH  
Office of Director General



اركيب نكارا ماليسيا

ARKIB NEGARA MALAYSIA  
(National Archives of Malaysia)

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN  
(Ministry Of Information, Communication And Culture)



7  
2 31/12



Ruj. Kami : ANM.600-1/3/1(6)  
Tarikh : 21 Disember 2012

Seperti di Lampiran

AGIHAN SURAT BAHAGIAN PENTADB. DAN INOVASI			
KPAS	<input type="checkbox"/>	P(K)	<input type="checkbox"/>
TKP(O)	<input type="checkbox"/>	P(SB)	<input type="checkbox"/>
TKP(P)	<input type="checkbox"/>	P(UU)	<input type="checkbox"/>
P(T&W)	<input type="checkbox"/>	UNIT INDUSTRI HIJAU	<input type="checkbox"/>
P(N)	<input type="checkbox"/>	BILIK OPERASI	<input type="checkbox"/>
P(KS)	<input type="checkbox"/>	UNIT LATIHAN	<input type="checkbox"/>
P(BTM)	<input type="checkbox"/>	UNIT PEPERIKSAAN	<input type="checkbox"/>
P(A&M)	<input type="checkbox"/>	UNIT KEWANGAN	<input type="checkbox"/>
P(U)	<input type="checkbox"/>	UNIT SUMBER MANUSIA	<input type="checkbox"/>

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PENGGUNAAN FAIL KULIT KERAS BAGI JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, kebelakangan ini Arkib Negara sering menerima pertanyaan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan berhubung penggunaan fail kulit keras. Sehubungan itu, saya dengan ini ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan mengenai peraturan penggunaan kulit fail selaras dengan peruntukan kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Arkib Negara melalui Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

3. Adalah diingatkan bahawa Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi penggunaan kulit fail yang direka khas oleh Jabatan Arkib Negara iaitu Am 435-Pin.1/80 (Terbuka) dan Am 435A-Pin.1/82 untuk Sampul Kecil bagi segala urusan berkaitan dengan surat menyurat dan dokumen rasmi. Manakala bagi dokumen-dokumen terperingkat jabatan hendaklah menggunakan kulit fail Am 435 - Pin.1/80 (Terhad), Am 436 (Sulit), Am 437 (Rahsia) dan Am 438 (Rahsia Besar) selaras dengan Para 52 Arahan Keselamatan. Penggunaan kulit fail ini sehingga sekarang masih lagi menepati dan mematuhi kriteria pengurusan rekod kerajaan disamping berupaya menjimatkan kos, ruang, peralatan, penyelenggaraan dan seterusnya memudahkan tindakan pelupusan.

4. Untuk penggunaan fail kulit keras atau *ring file* pula, ianya hanya dibolehkan bagi menyimpan dokumen-dokumen *homogeneous* seperti baucer dan borang-borang dalam jumlah yang banyak di mana penyimpanannya adalah tidak efektif apabila

PPTK (PI),  
Edarui .t.k -  
[Signature]  
P(T&W)  
31-12-2012

disimpan dalam kulit fail biasa. Penggunaannya adalah dihadkan kepada dokumen-dokumen seperti itu sahaja seperti mana yang diamalkan oleh kebanyakan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

5. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar penjelasan ini dapat membantu YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam melaksanakan pengurusan rekod kerajaan secara lebih standard, sistematik dan kos efektif disamping membantu Arkib Negara Malaysia dalam pengurusan dan pemeliharaan dokumen dan rekod-rekod kerajaan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BUDI BAHASA BUDAYA KITA"**

Saya yang menurut perintah,



(HAJAH DARESAH BINTI HAJI ISMAIL)  
Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia.

rns/desktop